

# BN siap hadapi

Oleh SUKHWINDER KAUER dan ZULKARNAIN ZAKARIA

KUALA LUMPUR 25 Feb. — Barisan Nasional (BN) hari ini memperkemas persediaan untuk menghadapi pilihanraya yang semakin hampir dengan mencapai kata sepakat mengenai prinsip pembahagian kerusi yang disifatkan oleh para pemimpin parti-parti komponennya sebagai adil.

Dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, para pemimpin 14 parti komponen itu juga bersetuju menggu-

nakan satu manifesto sahaja di samping tambahan untuk negeri-negeri tertentu seperti Kelantan dan Sabah.

Dr. Mahathir memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu, pengagihan kerusi adalah berasaskan majoriti kaum, tetapi tidak secara mutlak kerana beberapa faktor lain perlu diambil kira kerana ada parti komponen yang tidak mempunyai majoriti (mengikut kaum) dalam sesebuah kawasan pilihanraya.

Beliau juga berkata, pada dasarnya prinsip agihan adalah sama seperti pilihanraya 1990, dengan mengambil kira penambahan kerusi (12 Parlimen) berikutan perubahan persepadaanan.

Beberapa orang pemimpin parti komponen BN memberitahu *Mingguan Malaysia*, prinsip pembahagian kerusi itu adalah adil dan merupakan satu formula praktikal yang boleh menjamin kemenangan BN pada pilihanraya umum akan datang.

Mereka juga menyerahkan kepada kebijaksanaan Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN untuk memutuskan peruntukan kerusi kepada parti-parti komponen pilihanraya dan akan patuh kepada keputusan tersebut.

**Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik** berkata, prinsip pembahagian kerusi jelas dibuat berdasarkan keadilan kepada semua parti komponen dan kaum yang terdapat di negara ini.

“Kita akan patuh kepada prinsip itu dan akan berusaha untuk memastikan BN dapat terus memerintah,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mesyuarat tersebut di sini hari ini.

Dr. Ling memberitahu bahawa partinya tidak akan mendesak pucuk pimpinan BN untuk memperuntukkan kerusi tambahan kepada MCA pada pilihanraya umum akan datang.

“Kita tidak akan lakukan perkara seperti itu (memohon tambahan kerusi)... kita akan akur kepada asas pembahagian kerusi yang ditetapkan oleh BN.

“Keputusan akhir dari BN ialah kita merupakan satu parti dan pembahagian kerusi itu adalah adil

# pilihanraya

untuk semua pihak. Soal desakan tambahan kerusi tidak timbul," tegasnya.

Dr. Ling menambah, MCA juga akan akur kepada keputusan pucuk pimpinan BN mengenai peruntukan kerusi bagi 12 kerusi Parlimen baru yang diwujudkan ekoran persempadanan semula kawasan pilihanraya pertengahan tahun lepas.

Mengenai senarai calon daripada parti itu pada pilihanraya umum nanti, Dr. Ling menjelaskan, walaupun senarai itu telah disediakan, namun MCA tetap akan patuh kepada keputusan pembahagian kerusi yang akan diputuskan oleh BN nanti.

Ditanya bilakah senarai calon itu akan dihantar ke-

pada Perdana Menteri, Menteri Pengangkutan itu memberitahu, ia masih terlalu awal dan Perdana Menteri juga akan memanggil beliau untuk mengadakan perbincangan mengenainya sedikit masa lagi.

**Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu** pula berkata, pihaknya menyerahkan segala urusan pembahagian kerusi pilihanraya yang bakal diperuntukkan kepada MIC kepada budi bicara Dr. Mahathir.

Katanya, Perdana Menteri amat prihatin dan peka kepada perasaan, kemampuan dan keperluan parti-parti komponen BN termasuk MIC.

Beliau menegaskan, MIC tidak membuat sebarang permohonan tambahan ke-

rusi menjelang pilihanraya dan sebaliknya meletakkan kepada kebijaksanaan Dr. Mahathir untuk mengendalikannya itu.

Mengenai persediaan MIC untuk menghadapi pilihanraya, kata Samy Vellu, semua jentera pilihanraya MIC telah bersiap sedia sanggup menghadapi cabaran pilihanraya pada bila-bila masa.

Ditanya mengenai permohonan Barisan Kemajuan India (IPF) untuk menjadi ahli parti komponen BN, Samy Vellu sekali lagi menegaskan bahawa MIC adalah satu-satunya parti kaum India yang akan memperjuangkan hak kaum India di negara ini.